

24/04/2002

Kepemimpinan MCA kekal sehingga 2005 (HL)

Wan Esuriyanti Wan Ahmad; Teh Kian Keat

KUALA LUMPUR, Selasa - Dua kumpulan yang bertelagah dalam MCA, hari ini bersetuju mengekalkan kepemimpinan sedia ada termasuk pada peringkat bahagian, negeri dan pusat, sehingga 2005.

Persetujuan itu dicapai sebulat suara dalam mesyuarat Jawatankuasa Pusat (CC) di Wisma MCA di sini, yang dihadiri pemimpin kedua-dua kumpulan itu.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata mesyuarat CC selama lebih dua jam itu bersetuju meneruskan pemilihan parti, tetapi tidak akan ada sebarang pertandingan.

Beliau yang mengetuai Kumpulan A, berkata kesepakatan itu dicapai sebagai menyokong agenda kedamaian dan kestabilan yang dicadangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mengakhiri kemelut dalam kepemimpinan MCA.

"Kami sebulat suara bersetuju menyokong agenda itu, dan dengan itu mengekalkan status quo pada semua peringkat daripada bahagian ke negeri dan pusat," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat itu.

Timbalannya, Datuk Lim Ah Lek, yang mengetuai Kumpulan B turut hadir pada sidang akhbar itu. Inilah pertama kali sejak kemuncak krisis kepemimpinan parti itu, kedua-dua pemimpin berkenaan mengadakan sidang akhbar bersama.

Pada sidang akhbar itu, Dr Ling dan Lim memberi perakuan akan memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pelan damai Perdana Menteri.

Malah, ketika ditanya apakah Kumpulan A dan B kini tidak wujud lagi dalam MCA, Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan, menegaskan:

"Selama ini, saya anggap hanya saya seorang Presiden MCA dan saya tidak pernah lihat sesiapa yang cop A atau B. Di mana juga saya melawat MCA, hanya ada satu MCA, satu CC, satu Majlis Presiden, satu Presiden dan satu Timbalan Presiden. Tak ada dua," katanya.

Sehubungan itu, beliau merayu semua ahli parti menerima keputusan mengekalkan status quo yang ada bagi merealisasikan agenda damai Dr Mahathir.

"Kita semua ingin mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir atas inisiatif beliau dan mengambil berat terhadap perpaduan MCA.

"Kita sebulat suara bersetuju bekerjasama dalam mencapai tujuan utama ini iaitu status quo yang menyebut tiada pertandingan dalam pemilihan parti," katanya.

Dr Mahathir dan Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebelum ini diminta campur tangan bagi menyelesaikan kemelut kepemimpinan MCA selepas kedua-dua kumpulan yang bertelagah, gagal mencapai sebarang kata sepakat bagi mengakhiri krisis yang berlarutan lebih dua tahun itu.

Ditanya apakah beliau boleh bekerjasama semula dengan Lim, Dr Ling berkata: "Tidak pernah ada musuh dan kawan yang kekal dalam politik. Saya percaya yang kita boleh bekerjasama dalam banyak perkara."

Dr Ling berkata, setiap ahli CC juga akan bekerjasama memujuk ahli parti untuk menerima status quo dan agenda damai itu.

Sehubungan itu, beliau mengumumkan tarikh baru pemilihan peringkat bahagian yang ditangguhkan semalam.

Katanya, pencalonan akan diadakan pada 10 Mei ini, manakala pemilihan (15 Mei). Pemilihan Pemuda dan Wanita bahagian pula diadakan pada 14 Mei.

Bagaimanapun, pemilihan bagi peringkat negeri dan pusat belum diputuskan, tetapi dijangka selewat-lewatnya Jun ini.

Sementara itu, Lim yang ditanya pemberita sama ada pihaknya gembira dengan persetujuan yang dicapai dalam mesyuarat berkenaan, berkata:

"Perkara utama sekarang adalah agenda kedamaian. Kami semua sudah sepakat untuk melaksanakan agenda itu dan mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri. Tiba masanya bagi kami untuk melengkapkan diri bagi pilihan raya umum kelak."

Ditanya sama ada pihaknya akan melupakan mengenai isu 135,000 ahli hantu, Lim berkata, buat masa ini beliau ingin menumpukan sepenuh perhatian kepada agenda damai berkenaan.

"Perkara itu boleh datang kemudian kerana yang penting ialah kedamaian parti, tetapi saya tidak kata ia bukan satu isu lagi," katanya sambil disambut tepukan ahli CC dari kedua-dua kumpulan termasuk Dr Ling.

(END)